

16 JUN 1999

Mahathir-Bangunan

BANGUNAN KERAJAAN YANG TIDAK DIGUNA AKAN DIJUAL, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Bangunan pejabat kerajaan yang dikosongkan setelah kementerian atau jabatan yang mengisi bangunan berkenaan berpindah ke pusat pentadbiran baru, Putrajaya, akan dijual, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri yang ditemui pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat terakhir jemaah menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Bukit Perdana, Jalan Dato' Onn di sini, berkata penjualan itu bagi menampung perbelanjaan pembinaan Putrajaya.

Mulai Isnin depan, JPM akan berpindah ke pejabat barunya di Blok A, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya, setelah menjadi nadi pentadbiran kerajaan Malaysia selama hampir 42 tahun.

Ketika ditanya mengenai bangunan utama JPM yang menempatkan pejabat Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata ada cadangan untuk menjadikannya sebuah muzium.

"Bangunan ini sendiri ada juga cadangan untuk dijadikan sebagai satu muzium kerana sejak zaman Tunku Abdul Rahman lagi, ia jadi pejabat Perdana Menteri, jadi banyak kaitannya dengan sejarah Malaysia Merdeka.

"Tetapi saya harap setakat bangunan ini (JPM) sahajalah kerana kalau kita hendak simpan semua pejabat kerajaan sebagai muzium, mahal sikitlah. Jadi kita hendak jual setengah-setengahnya untuk bayar belanja buat Putrajaya," katanya.

Sebahagian besar kementerian, jabatan dan agensi kerajaan yang ketika ini bertempat di ibu negara dan kawasan sekitarnya berpindah ke Putrajaya.

Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Bahagian Keselamatan Negara JPM dan Pejabat Ketua Setiausaha Negara menjadi kumpulan pertama petugas awam memulakan kerja di Putrajaya.

Perpindahan pelbagai kementerian dan pejabat kerajaan persekutuan ke sana akan berlangsung dalam beberapa peringkat mengikut siapnya bangunan khusus untuk menempatkan mereka.

Perpindahan dijadual siap sepenuhnya menjelang tahun 2005 apabila 15,000 unit bangunan kediaman pelbagai jenis rumah teres, sebandung dan pangsapuri juga dijadualkan siap bagi menampung kakitangan awam berkenaan.

Putrajaya di kawasan seluas 7,000 hektar, 40 kilometer dari Kuala Lumpur, merupakan satu daripada komponen dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) yang direncana untuk melonjakkan Malaysia ke tahap negara maju menjelang tahun 2020.

Ia menjadi tapak kepada pembentukan kerajaan elektronik untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kerajaan kepada rakyat dan merupakan satu daripada aplikasi perdana MSC.

-- BERNAMA

NHD RON